

## Operasi negeri Fasa 4 ikut tatacara PPN - KSN

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Oktober 18, 2021 @ 4:15pm  
rafidahruzki@bh.com.my



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali

PUTRAJAYA: Pengoperasian pejabat kerajaan di Melaka dan Lembah Klang yang beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa hari ini, membolehkan semua penjawat awam bekerja dari pejabat dengan mereka yang memerlukan masih dibenarkan bekerja dari rumah (BDR).

Ia seperti tertakluk kepada tatacara yang ditetapkan mengikut fasa itu, sama seperti diumumkan sebelum ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata semua penjawat awam di negeri terbabit juga perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan mengikut tatacara berkenaan.

"Ia mengikut seperti Fasa 4 dalam PPN dan semua perlu mematuhi SOP ditetapkan," katanya kepada BH, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pada Jumaat lalu, mengumumkan Melaka dan Lembah Klang beralih ke Fasa 4 PPN, berkuat kuasa 18 Oktober, manakala Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Sabah serta Kedah pula beralih ke Fasa 3 mulai tarikh sama.

Beliau dilaporkan berkata, keputusan itu dicapai hasil mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik pada Jumaat lalu.

Sementara itu, surat arahan itu yang tersebar melalui aplikasi WhatsApp antara lain memaklumkan mengenai kehadiran dan waktu pengoperasian pejabat bagi Institut Sosial Malaysia (ISM) iaitu satu agensi bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), serta beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Ia antara lain menyatakan kehadiran di pejabat adalah 100 peratus, manakala waktu bekerja mengikut waktu bekerja fleksibel (WBF) seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019.

Bagaimanapun, surat arahan dikatakan berkuat kuasa hari ini, memberi kelonggaran kepada kakitangan yang berdepan masalah berkaitan penjagaan anak untuk membawa anak ke pejabat.

Pada 21 Julai lalu, BH melaporkan Kerajaan Persekutuan mengeluarkan tatacara bekerja dari rumah (BDR) bagi penjawat awam dan pengoperasian pejabat kerajaan mengikut fasa dalam PPN berkuat kuasa mulai 26 Julai.

Mohd Zuki dilaporkan berkata, ia bagi mengoptimumkan perkhidmatan kerajaan, manakala ketua jabatan perlu menentukan kehadiran pegawai yang diperlukan mengikut tatacara yang dikeluarkan itu.

Tatacara itu juga menyatakan Fasa 4 pula membolehkan semua penjawat awam bekerja dari pejabat dengan mereka yang memerlukan masih dibenarkan secara BDR, terutama berkaitan penjagaan anak-anak dengan kelulusan ketua jabatan.

Perkhidmatan kaunter perkhidmatan juga dibenarkan beroperasi sepenuhnya tanpa memerlukan janji temu, manakala mesyuarat dibenarkan secara fizikal, namun ketua jabatan digalak mengadakan mesyuarat secara hibrid atau dalam talian.